

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 30 September 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI LAPORAN SURVEI PELANCONGAN DOMESTIK 2020
MENGIKUT NEGERI

Prestasi Pelancongan Domestik bagi Semua Negeri di Malaysia Merosot
Ketara pada 2020

PUTRAJAYA, 30 SEPTEMBER 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini menerbitkan statistik **Survei Pelancongan Domestik 2020 mengikut negeri** iaitu berdasarkan survei yang dijalankan pada 2020.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin Ketua Perangkawan Malaysia dalam ulasannya berkata, "Secara keseluruhan, prestasi pelancongan domestik di Malaysia pada 2020 menurun secara signifikan bagi ketibaan pelawat dan jumlah perbelanjaan iaitu masing-masing sebanyak -44.9 peratus dan -60.8 peratus. Prestasi bagi semua negeri menyusut dari segi volum dan nilai disebabkan oleh pelaksanaan COVID-19 *lockdown*. Pada 2020, jumlah terimaan perbelanjaan pelawat domestik Selangor adalah RM7.1 bilion, merosot sebanyak -52.8 peratus berbanding tahun sebelumnya. W.P. Kuala Lumpur merekodkan RM5.3 bilion, menurun -57.8 peratus. Turut mencatatkan penurunan signifikan adalah Sarawak yang jatuh -61.0 peratus kepada RM3.4 bilion. Negeri-negeri lain yang mencatatkan penurunan ketara adalah Perak -61.5 peratus (RM3.3 bilion) dan Pahang -64.1 peratus (RM2.7 bilion)."


Dari segi ketibaan pelawat domestik, Selangor merekodkan 19.7 juta pelawat, turun -41.3 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sementara itu, Perak dan W.P. Kuala Lumpur masing-masing jatuh -37.5 peratus dan -45.1 peratus. Sabah dan Kedah turut merekodkan kejatuhan signifikan iaitu masing-masing sebanyak -53.1 peratus dan -31.8 peratus untuk mencatatkan seramai 10.3 juta dan 10.1 juta pelawat domestik pada 2020.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata, "Melawat saudara-mara dan rakan adalah tujuan perjalanan yang tertinggi bagi semua negeri kecuali W.P. Putrajaya (Percutian/ mengisi masa lapang/ berehat). Berdasarkan pilihan jenis penginapan, majoriti pelancong memilih penginapan tidak berbayar (rumah saudara-mara & rakan) kecuali di W.P. Putrajaya yang majoriti daripada mereka (64.3%) memilih untuk menginap di hotel. Selain itu, mod pengangkutan darat adalah mod pengangkutan utama pelancong di setiap negeri kecuali W.P. Labuan yang didominasi oleh pengangkutan udara (55.1%)."

Mengulas lanjut berkaitan profil sosial & demografi pelawat domestik, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa pelawat domestik berumur 25 hingga 39 tahun merekodkan ketibaan paling tinggi bagi semua negeri. Dari segi kelas pendapatan isi rumah, negeri Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak menerima majoriti pelawat domestik yang berpendapatan RM1,001 hingga RM3,000 sebulan. Melaka dan W.P. Putrajaya pula adalah negeri paling popular yang dikunjungi pelawat domestik dari kalangan isi rumah yang berpendapatan RM3,001 hingga RM5,000 sebulan. Sementara itu, lima negeri (Johor, Pulau Pinang, Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Labuan) merekodkan peratus pelawat domestik paling tinggi daripada isi rumah yang berpendapatan RM5,001 hingga RM10,000 sebulan.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam

menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA

30 SEPTEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Thursday, September 30, 2021



MEDIA STATEMENT

FOR REPORT OF DOMESTIC TOURISM SURVEY 2020 BY STATE

Domestic Tourism Performance for All States in Malaysia Decreased Significantly in 2020

PUTRAJAYA, 30 SEPTEMBER 2021 – The Department of Statistics, Malaysia today releases the **Domestic Tourism Survey 2020 by state** which is based on the survey conducted in 2020.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia in his review said, "Overall, domestic tourism performance in Malaysia for 2020 declined significantly in visitor arrivals and total expenditure with -44.9 per cent and -60.8 per cent, respectively. Performance for all states contracted in terms of volume and value due to the implementation of the COVID-19 lockdown. In 2020, Selangor's domestic visitor expenditure receipt was RM7.1 billion, a decline of -52.8 per cent from the previous year. W.P. Kuala Lumpur recorded RM5.3 billion, decreased -57.8 per cent. Also registered a significant decline was Sarawak which fell -61.0 per cent to RM3.4 billion. Other states that recorded notable decline were Perak -61.5 per cent (RM3.3 billion) and Pahang -64.1 per cent (RM2.7 billion)."

In terms of domestic visitor arrivals, Selangor recorded 19.7 million visitors, dropped -41.3 per cent as against to previous year. Meanwhile, Perak and W.P. Kuala Lumpur


fell -37.5 per cent and -45.1 per cent, respectively. Sabah and Kedah also recorded significant fall of -53.1 per cent and -31.8 per cent to register 10.3 million and 10.1 million domestic visitors in 2020.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also highlighted, "Visiting relatives and friends was the highest main purpose of visit for all states except W.P. Putrajaya (Holiday/ leisure/ relaxation). Based on the choice for type of accommodation, majority of tourists chose unpaid accommodation (relatives' & friends' houses) except for W.P. Putrajaya which majority of them (64.3%) preferred to stay in hotels. In addition, land transport was the most prevalent choice for mode of transport by tourists in every state except W.P. Labuan which was dominated by air transport (55.1%)."

Commenting further on the social & demographic profiles of domestic visitors, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that domestic visitors aged 25 to 39 years registered the highest arrivals for all states. In terms of household income class of domestic visitors, the states of Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Terengganu, Sabah and Sarawak received majority of domestic visitors earning RM1,001 to RM3,000 per month. Melaka and W.P. Putrajaya were the most popular states visited by domestic visitors from the households earning RM3,001 to RM5,000 per month. Meanwhile, five states (Johor, Pulau Pinang, Selangor, W.P. Kuala Lumpur and W.P. Labuan) registered the highest percentage of domestic visitors from households earning RM5,001 to RM10,000 per month.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Total of Domestic Tourism Receipts by State, 2019 - 2020



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

30 SEPTEMBER 2021